



Prof Mohd Ghani menunjukkan laporan kedudukan jurnal UMP.

Shaffarina Shahrman  
bhvarsiti@bh.com.my

► Kuantan

Jurnal Automotif dan Kejuruteraan Mekanikal (IJAME) terbitan Penerbit Universiti Malaysia Pahang (UMP) muncul sebagai jurnal nombor satu di negara ini dalam bidang sains berdasarkan lapo-

## Jurnal UMP jadi rujukan dunia

ran badan pengukuran indeks jurnal Scopus baru-baru ini.

Laporan oleh Source Normalized Impact per Paper (SNIP), Impact per Publication (IPP) dan SCI-

mago Journal Ranking (SJR) menunjukkan IJAME menduduki kedudukan teratas daripada 78 jurnal bidang sains yang diindeks Scopus di negara ini.

Pengarah Penerbitan UMP, Prof Madya Dr Mohd Ghani Awang, berkata kejayaan IJAME itu berikutan faktor memperoleh kadar impak sitasi yang tinggi dalam badan pen-

gukuran indeks jurnal terbabit.

"Dalam SNIP, kita memperoleh kadar impak sebanyak 2.106, manakala 1.508 bagi IPP dan 0.406 bagi SJR.

### Tangga teratas

"Ini meletakkan IJAME di tangga teratas bagi SNIP dan IPP, seterusnya tangga keempat dalam SJR. Selepas penilaian keseluruhan dilakukan, IJAME menduduki tangga teratas dalam laporan data mereka," katanya.

Prof Mohd Ghani berkata, berdasarkan laporan SJR, IJAME turut berada di tangga ke 27 daripada 127 jurnal kejuruteraan automotif di dunia.

Katanya, kejayaan itu menunjukkan jurnal UMP kini menjadi pilihan penyelidik dunia dalam bidang kejuruteraan automotif dan mekanikal, sekali gus meningkatkan nama UMP sebagai sumber rujukan.

"Kita amat bersyukur dengan kejayaan ini dan ia juga hasil usaha bersama editor Fakulti Kejuruteraan Mekanikal (FKM).

"Selain itu, kita juga berbangga dengan satu lagi jurnal FKM iaitu Jurnal Kejuruteraan Mekanikal dan Sains (JMES) yang berjaya diindeks Scopus awal bulan lalu," katanya.